



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

☐ Menu[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Bernama - Pakej: Penuntut Institut Pengajian Tinggi Turut Terima
Manfaat - Muhyiddin

☐ Jumaat, Mac 27 2020☐ ☐

PUTRAJAYA, 27 Mac -- Golongan penuntut di institut pengajian tinggi tidak ketinggalan dalam menerima manfaat daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang diumumkan kerajaan hari ini.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, mereka yang sedang menuntut di institut pengajian tinggi di seluruh negara, akan menerima bantuan secara 'one-off' RM200 seorang yang akan dibayar pada Mei.

"Saya juga tidak lupa kepada para pelajar institusi pengajian tinggi.



"Bantuan ini melibatkan peruntukan sebanyak RM270 juta kepada pelajar di pelbagai peringkat pengajian tinggi termasuk matrikulasi, Kolej Komuniti, Politeknik, IPTA (Institut Pengajian Tinggi Awam) dan IPTS (Institut Pengajian Tinggi Swasta)," katanya ketika mengumumkan pakej PRIHATIN, di sini.

Muhyiddin berkata selain itu, kerajaan juga bersetuju memberi penangguhan bayaran balik pinjaman untuk tempoh enam bulan kepada peminjam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran atau PTPK mulai 1 April 2020 hingga 30 Sept 2020.

Inisiatif ini akan memanfaatkan seramai 174,500 orang peminjam, dengan anggaran kutipan sebanyak RM149.2 juta, kata Perdana Menteri .

Sebelum ini, kerajaan bersetuju untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), kepada semua peminjam selama enam bulan melibatkan kutipan sebanyak RM750 juta.

-- BERNAMA



☐ BISNES

☐ AGENSI

☐ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <
Atas Talian



Aplikasi Mudah
Alih

Laman <
Mikro

e-Penyertaan <
&
Maklumbalas



Statistik & <
Prestasi

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia



No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000
☐ 03-88823893 /
03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data